

## Anggap kenaikan tarif air satu pelaburan untuk masa depan, kata Pengerusi SPAN

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - Januari 18, 2024 @ 12:53pm  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my



Pengerusi SPAN, Charles Santiago

KUALA LUMPUR: Kenaikan tarif air diumumkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah satu pelaburan untuk masa hadapan, sekali gus membolehkan industri bersedia menghadapi sebarang insiden pada bila-bila masa.

Justeru Pengerusi SPAN, Charles Santiago meminta rakyat memahami tindakan dilakukan pihaknya demi kepentingan bersama.

Katanya, kebanyakan paip di beberapa negeri usang dan perlu ditukar dan kenaikan tarif air akan membantu menambah baik sistem berkenaan.

"Dalam kes ini, (paip) di Pahang sudah 40 tahun, Terengganu (30 tahun), Selangor dan Pulau Pinang juga sama seperti tempoh itu. Jadi sebab itu kita minta rakyat Malaysia faham dan menganggap bahawa peningkatan tarif air ini sebagai satu pelaburan untuk masa hadapan.

"Supaya kita dapat menyediakan segala keperluan untuk industri ini sekiranya menghadapi sebarang perubahan. Janganlah buat persediaan ketika sudah menghadapi krisis, sebaliknya kita perlu bersedia sekarang supaya ketika krisis itu berlaku, kita sudah bersedia," katanya kepada BH, hari ini.

Semalam, SPAN mengumumkan tarif baharu air bagi kategori domestik di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan membabitkan kenaikan purata sebanyak 22 sen bagi setiap meter padu yang akan berkuat kuasa bermula 1 Februari ini.

Pelarasan itu dijangka membabitkan kira-kira 6.9 juta pengguna kategori domestik atau mewakili 86.6 peratus daripada 7.9 juta pemegang akaun.

Kenaikan 22 sen itu adalah purata jumlah kenaikan bagi setiap 1,000 liter air yang digunakan.

Tarif baharu air itu dijangka membabitkan caj bil naik dalam julat antara RM1.60 hingga RM8 bagi setiap kediaman atau lima hingga 27 sen sehari bagi penggunaan isi rumah sebanyak 20 meter padu sebulan.

Sementara itu, Charles yang juga bekas Ahli Parlimen Klang itu berkata, sebelum ini SPAN sudah mengadakan pertemuan dengan operator air di setiap negeri bagi memantau semua projek yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti air di negara ini.

"Kita sudah beritahu kepada syarikat operator ini untuk menyenaraikan secara bertulis setiap projek yang sudah atau akan dilaksanakan oleh mereka. Malah syarikat operator ini juga perlu melaporkan setiap sen yang digunakan oleh mereka.

"Sebagai contoh, hasil peningkatan tarif air ini, syarikat operator air ini mendapat RM50 juta, jadi kita minta mereka senaraikan apa projek yang akan dilaksanakan, bila projek itu akan dilaksanakan dan siapakah kontraktor yang mereka ambil. Semua ini mereka kena laporkan kepada SPAN.

"Ini membolehkan SPAN memantau dengan lebih ketat pelaksanaan projek itu termasuk memberi pandangan sama ada projek yang dilaksanakan itu akan memberi manfaat kepada rakyat atau pun tidak," katanya.

Tambahnya, pelaksanaan projek itu juga akan dipaparkan dalam laman sesawang syarikat operator terbabit serata di laman sesawang SPAN.

"Orang ramai termasuk pengamal media sendiri boleh memantau perjalanan wang itu yang digunakan oleh syarikat operator berkenaan. Ini janji kita kepada rakyat Malaysia," katanya.

Mengulas lanjut mengenai golongan B40 yang terbeban dengan kenaikan tarif air itu, Charles berkata beberapa negeri sudah menyatakan persetujuan untuk memberikan subsidi kepada golongan sasaran ini.

"Dan perkara ini akan diumumkan oleh syarikat operator itu sendiri, setakat ini lapan negeri sudah menyatakan persetujuan manakala tiga lagi sedang dalam perbincangan.

"Ini adalah alternatif sendiri, jadi untuk pihak SPAN kita sokong apa yang ingin mereka lakukan dan kita minta semua negeri untuk mengenal pasti kumpulan sasaran ini," katanya.